

(16 November 2020) Kosmo! P. 6

Golongan hilang pekerjaan mampu jana pendapatan melalui inisiatif WBB

Warga kota syukur dapat berniaga

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (WBB) yang bermula semalam mendapat sambutan menggalakkan daripada ratusan warga kota bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan.

Rata-rata mereka menarik nafas lega dengan inisiatif berkenaan yang dikatakan mampu menjana pendapatan susulan kehilangan kerja dan sumber rezeki akibat pandemik Covid-19.

Hasil tinjauan *Kosmo!* di sekitar Desa Pandan dan Bandar Seri Permaisuri di sini semalam mendapati, ramai peniaga baharu mencuba nasib dalam jualan makanan demi kelangsungan hidup keluarga mereka.

Seorang peniaga kuih-muih tradisional, Norazalina Abdul Latif, 34, berkata, krisis Covid-19 memberi impak buat keluarganya apabila suami yang bekerja sebagai pemandu pelancong kini hilang pendapatan.

Katanya, kehidupan mereka

termasuk empat orang yang berusia antara tujuh hingga 16 tahun itu ibarat kais pagi makan pagi kerana bergantung sepenuhnya dengan pendapatan suami.

"Saya mula menjual kuih secara kecil-kecilan sejak Mei lalu, tetapi hati ini sentiasa bimbang, jika dikenakan saman dan barang niaga dirampas pihak berkuasa.

"Bukan sengaja mahu mencabar undang-undang, tetapi tiada cara lain untuk kami sekeluarga meneruskan kehidupan selain mengharap hasil perniagaan ini," katanya ketika ditemui semalam.

Menurutnya, dia dan suami menarik nafas lega selepas Kementerian Wilayah Persekutuan mengumumkan inisiatif WBB yang membolehkan mereka mendapat lesen sementara sekali gus memudahkan lagi urusan perniagaan tanpa takut.

Baru-baru ini, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa mengumumkan inisiatif WBB selama enam bulan bermula

la semalam hingga 15 April 2021 bagi membantu meringankan beban penduduk khususnya susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

Pemberian lesen sementara itu adalah percuma.


Seorang bapa tunggal, Shaffari Mamat, 53, berkata, dia terpaksa menjual makanan berasaskan bebola bagi memastikan tiga anaknya tidak terputus bekalan makanan serta pendidikan.

Dia yang sebelum ini bekerja sebagai akauntan di sebuah syarikat swasta diberhentikan kerja disebabkan pengecilan operasi susulan Covid-19.

"Saya memulakan perniagaan sejak Jun lalu selepas tidak dapat sebarang pekerjaan, tambahan pula di usia sebegini.

"Bagaimanapun, saya kadangkala bimbang barang disita DBKL kerana tidak mempunyai lesen.

"Namun kini saya berterima kasih kepada kerajaan kerana mempermudah urusan semua peniaga termasuk permohonan lesen sementara," ujarnya.



NORAZALINA (kanan) bersama suami serta anak-anak mereka menjual kuih-muih di Desa Pandan, Kuala Lumpur semalam.